

KONSEP *SILA* DAN AKHLAK: SATU ANALISIS AWAL

Oleh:

Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali

Abstract

The word sila in Buddhism and akhlaq in Islam are theological term. Normally, the words referred as and ethic and attitude. Besides, many of the Western Scholars put them synonym. Thus, the concept and why are they synonym are not known. Therefore, this article attempts to elaborate the two words in various taakulan based on theories which already exist.

PENGENALAN

Isu akhlak terutamanya mengenai konsep, ciri-ciri akhlak mulia, pendidikan akhlak dan kepentingannya telah seringkali dibahaskan oleh para penulis Islam terkemuka.¹ Kebanyakan kajian dan penulisan tersebut menonjolkan keistimewaan akhlak Islam.

¹ Antara penulisan yang membincangkan perkara tersebut adalah al-Ghazālī, 'Ihyā' 'Ulūm al-Dīn, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1996; Ahmad Amin (Dr.), *Kitāb al-Akhlāq*, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, 1974; Ibn Miskawaih, *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: 1996; Abdullah bin Muhammad Zin (Dr.), *al-Akhlāq al-Islāmiyyah wa Atharuha fī Binā'i al-Mujtamā'*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, t.t.; Hassan al-Sharqāwi (Dr.), *al-Akhlāq al-Islāmiyyah*, Kaherah: 1998.

Keistimewaan yang dikemukakan ini berkait rapat dengan kesyumulan Islam sebagai sebuah *al-din* dan tatacara hidup yang jitu dan mulia. Dalam memperkatakan akhlak mulia ini pasti ia dikaitkan dan dirujuk kepada akhlak Rasulullah s. 'a.w. yang digambarkan akhlaknya adalah al-Qur'an iaitu berperibadi mulia dan sentiasa bersandar kepada perintah Allah.

Di samping itu, *sila* Buddha telah dikatakan setanding dengan akhlak Islam yang mampu meletakkan umatnya berakhlak mulia, disanjung dan dihormati orang lain. Penulisan-penulisan seumpama ini sering membandingkan akhlak Islam dan *sila* Buddha sebagai satu konsep yang sama kerana berjaya mendidik penganutnya berakhlak dan berperibadi mulia.² Kerana itu, ramai pengkaji Barat meletakkan konsep akhlak dan *sila* adalah sama sebagai jaminan ke arah kebahagiaan hidup dan sentiasa terarah kepada pelaksanaan tuntutan beragama.

Namun sejauhmana asas tersebut adalah absah sebagai kayu pengukur yang meletakkan nilai akhlak dan *sila* adalah sama. Justeru, kajian awal ini akan menelusuri konsep *sila* dan akhlak secara lebih halus berasaskan kepelbagaian aspek yang meliputi definisi asas, definisi dari perspektif tuntutan agama, ciri-ciri keistimewaan dan kesannya terhadap masyarakat penganut.

DEFINISI *SILA*

Sila turut dirujuk sebagai bermaksud moral dan etika. Kedua-dua istilah ini digunakan dalam menjelaskan kod etika dan moral Buddha yang terkandung dalam ajarannya yang utama iaitu dikenali sebagai Lapan Jalan Kebenaran dan Lapan Jalan Yang Mulia. Justeru dalam menjelaskan pengertian *sila* Buddha ini, pengertian etika dan moral turut dibincangkan kerana ia saling berkaitan dan melengkapinya etika ajaran Buddha.

² Sila rujuk Christmas Humphreys, *The Buddhist Way of Life*, London: George Allen Ltd., 1969; La De La Velle Poussin, *The Way to Nirwana*, India: Sri Satguru Publications, 1917; Lama Anagarika Govinda, *The Psychological Attitude of Early Buddhist Philosophy*, London: Rider & Company, 1961; Kertas-kertas Kerja Seminar Dialog Peradaban Confusiusme/ Buddhisme, Universiti Malaya, 1995.

Istilah moral dan etika sering dikaitkan dan memperlihatkan maksud yang sinonim. Berikutan daripada keadaan tersebut, Peter Baelz seorang pemikir Barat meletakkan konsep asas moral dan etika adalah sama, bahkan sukar dibezakan antara keduanya.³

Namun terdapat beberapa usaha daripada pakar bahasa untuk membezakan maksud kedua-dua istilah tersebut. Hasilnya wujud kepelbagaian definisi dan maksud yang merujuk kepada istilah moral dan etika. Secara umumnya moral dirujuk sebagai satu istilah yang memberikan nilai dan ukuran terhadap tindakan, perlakuan dan aktiviti seseorang atau individu sebagai baik, buruk, benar atau salah. Kerana itu sering dikaitkan tindakan seseorang yang menurut prinsip-prinsip, polisi pemerintah dan tingkahlaku yang baik dan menjadi kelaziman dalam sesebuah masyarakat dikatakan sebagai individu bermoral dan begitu sebaliknya.⁴

Manakala etika yang berasal daripada bahasa Greek *etos* bermaksud kebiasaan.⁵ Kelazimannya ia dikaitkan dengan satu-satu doktrin atau falsafah ajaran agama. Justeru ia lebih membawa maksud ilmu berkenaan dasar-dasar akhlak, moral, nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang merupakan pegangan dan kepercayaan seseorang atau sesebuah kelompok masyarakat. Atau dalam ertikata lain, etika adalah satu cabang falsafah yang menyentuh persoalan nilai, tingkahlaku seseorang dan persekitaran satu-satu kelompok masyarakat berasaskan nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang dipersetujui bersama.

Ini menjelaskan bahawa istilah moral dan etika adalah saling berkait dan saling melengkapi dalam melakukan penilaian terhadap

³ Peter Baelz, *Ethics and Belief*, London: t.t., hal. 19.

⁴ Untuk melihat kepelbagaian definisi moral dan etika, sila rujuk antaranya Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: DBP, 1993; James Hastings, *Encyclopedia of Religion and Ethics*, Edinburgh: T&T Clark, 1916; Carter V. Good, *Dictionary of Ethics and Education*, New York: McGraw Hill Company, 1993; Francesco Gardental Robert, *Dictionary of Moral Theology*, London: Burn & Oates, 1962.

⁵ Sila lihat Mohammad Muslehuddin, *Morality: Its Concept and Role in Islamic Order*, Lahore:1984, hal. 1.

tingkahlaku manusia berasaskan prinsip dan nilai yang mulia.⁶

Bertitiktolak daripada maksud istilah-istilah tersebut, secara asasnya, *sila* didefinisikan sebagai sinonim dengan moral, etika dan akhlak. Namun, istilah *sila* sering dirujuk kepada penjelasan etika yang dikaitkan dengan ajaran agama Buddha. Ia diletakkan sebagai satu istilah yang lengkap untuk menggambarkan etika dan moral ajaran Buddha berbanding penggunaan istilah moral dan etika. *Sila* yang disebut dalam bahasa Pali ini merujuk kepada tingkahlaku moral yang tercetus secara terkawal baik dari sudut fizikal mahupun ucapan dan *sila* lebih dirujuk kepada persoalan tuntutan ajaran Buddha.

Menurut Christmas Humphreys, *sila* secara umum bererti tabiat, perangai, watak, tingkahlaku dan sifat.⁷ Memandangkan *sila* dirujuk kepada persoalan agama Buddha, penggunaannya lebih ditekankan dalam ajaran moral dan kod etika Buddha yang disebut *Panca-Sila* atau *5 Tatususila* dan *Dasa-Sila* atau *10 Tatususila*. Berasaskan kod etika ini, *sila* dipecahkan kepada 4 kategori utama seperti yang dipaparkan dalam fasal suci Buddha iaitu *Visuddhimagga 11, 15*:

1. *Sila* untuk *Bhikkhu / monks / sami lelaki*
2. *Sila* untuk *Bhikkhuni / nuns / sami perempuan*
3. *Sila* untuk *samanera / male novice and samaneri / female novice*
4. *Sila* untuk *laity* atau orang awam.

Bertitik tolak daripada pembahagian *sila* dalam ajaran Buddha ini, konsep *sila* akan dilihat selanjutnya untuk menilai sejauhmana persamaannya dengan konsep akhlak Islam seperti yang dijelaskan oleh kebanyakan sarjana Barat. Untuk tujuan tersebut, pemahaman terhadap konsep asas akhlak Islam perlu dijelaskan.

⁶ Sila rujuk perbincangan yang dibuat oleh Joni Tamkin Borhan (Dr.), "The Ethical Principles in Islamic Commercial Transaction", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 9, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Julai 1999, hal. 98.

⁷ Christmas Humphreys, *A Popular Dictionary of Buddhism*, hal. 75.

DEFINISI AKHLAK

Asas istilah akhlak berhubung rapat dengan Tuhan yang mencipta kesempurnaan kejadian manusia dan ketinggian peribadi. Namun kesempurnaan tersebut akan menjadi cacat hanya dengan perlakuan manusia yang engkar kepada tuntutan agama. Falsafahnya yang begitu dalam telah meletakkan perbahasan terhadap istilah akhlak ini perlu dilakukan secara teliti.

Akhlak adalah kata jamak dari kata dasar Bahasa Arab *al-khalq* yang membawa maksud perangai, tabiat dan gerak geri. Menurut *Lisān al-'Arab*, *al-khalq* boleh dibaca pelbagai dan memberi maksud yang berlainan tetapi tetap merujuk kepada perilaku hamba Tuhan. Umpamanya *al-khuluq* membawa maksud perlakuan yang menggambarkan jiwa atau sifat-sifat batiniah yang khusus. *Al-khalq* pula memberi gambaran tentang sifat-sifat manusia yang zahir.⁸ Secara umumnya, gabung jalin antara kedua-dua istilah tersebut menonjolkan pengertian yang berkait dengan tingkahlaku, amalan, perangai, sifat-sifat dan tabiat manusia sama ada buruk atau baik yang meliputi fizikal dan rohaniah. Ia sekaligus mencerminkan pelakunya sebagai hamba Pencipta yang memberi maksud bahawa seorang hamba yang mentaati Pencipta akan mencernakan tingkahlaku yang mulia dan begitu sebaliknya. Justeru kaitan antara asas kepada istilah akhlak yang dimiliki oleh hamba sebagai makhluk dengan Tuhan sebagai *Khaliq* adalah rapat. Ini bererti seorang hamba yang mengerti falsafah dan matlamat penciptaannya akan mencernakan segala kebaikan dan kemuliaan akhlaknya kepada Pencipta untuk keredaan-Nya.

Kesinambungan daripada konsep asas tersebut, akhlak turut didefinisikan sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang yang mencernakan pelbagai perbuatan, tindakan baik atau buruk dan tidak memerlukan kepada sebarang pertimbangan terlebih dahulu.⁹ Ini bererti akhlak boleh dikategorikan kepada beberapa

⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, vol. 3, Beirut: 1956, di bawah perkataan *al-khalq*.

⁹ Ibrāhīm Mustafā, *Mu'jam al-Wasīṭ*, Maktabah al-Islāmiyyah, t.t., di bawah perkataan *al-khalq*.

bentuk perlakuan yang mencerminkan sifat pelaku sama ada baik atau buruk.

Dr. Miqdad Yaljan telah merumuskan akhlak kepada 3 kategori iaitu akhlak yang berhubung dengan sifat semulajadi atau fitrah manusia, akhlak yang berkaitan dengan sifat-sifat yang boleh diusahakan dan akhlak yang meliputi perlakuan dalaman dan luaran. Dalam ertikata lain, akhlak yang ditonjolkan oleh Miqdad lebih merujuk kepada keselarasan sifat semulajadi manusia yang dicernakan secara sedar berasaskan tindakan batiniah dan zahiriah.¹⁰

Di samping itu, akhlak turut diberikan penekanan yang berbeza oleh kebanyakan sarjana Islam berdasarkan bidang kecenderungan. Namun ia memberi penekanan yang sama kepada elemen spiritual dan fizikal sebagai pernyataan kaitannya yang rapat dengan Pencipta.

Imam al-Ghazali umpamanya menjelaskan akhlak merupakan naluri kejiwaan individu dan melahirkannya secara zahir. Selagi mana ia bertepatan dengan syarak dan akal fikiran yang waras ia merupakan akhlak yang terpuji dan begitu sebaliknya.¹¹

Ibn Miskawaih pula menyebut bahawa jiwa manusia boleh dikategorikan kepada dua sifat iaitu fitrah dan latihan. Sifat-sifat fitrah merupakan sifat yang wujud semenjak azali dan diwarisinya melalui pendidikan dan persekitaran. Sifat-sifat yang diperolehi secara latihan dilalui dalam dua peringkat iaitu secara perkembangan dan pemikiran dan praktikal sehingga menjadi satu bentuk kebiasaan dan lumrah.¹² Ini bererti akhlak adalah satu sifat semulajadi mencerminkan sifat-sifat berbentuk spiritual dan fizikal yang telah diciptakan Tuhan bersama individu dan diperkembangkan berasaskan persekitaran dan pendidikan. Justeru, manusia

¹⁰ Miqdad Yaljan (Dr.), *al-Ittihād al-Akhlāq fī al-Islām*, Mesir: 1973, hal. 34.

¹¹ Imam al-Ghazālī, *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, vol. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996, hal. 57

¹² Ibn Miskawaih, *Tahdhīb al-Akhlāq*, hal. 31.

terdorong melaksanakan sifat-sifat kemanusiaan dan membenci sifat-sifat yang bertentangan. Ini memperlihatkan akhlak memiliki daya kekuatan yang tersendiri untuk mengadili kebaikan dan keburukan daripada satu-satu perlakuan yang terbentuk.

Urutan daripada perbincangan tersebut memperlihatkan bahawa istilah moral, etika dan *sila* lebih merupakan perkataan yang sering digunakan bagi merujuk kepada tingkahlaku manusia sama ada ianya sesuatu yang baik atau buruk. Hanya apabila diperkatakan tentang akhlak, ia bersesuaian dengan dua buah hadith yang bermaksud "*Sesungguhnya akhlak Rasulullah s. 'a.w. itu adalah al-Qur'an*" dan "*Sesungguhnya aku (Rasulullah s. 'a.w.) dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak*".

Kedua-dua hadith tersebut menggambarkan bahawa perkataan akhlak yang merujuk kepada tingkahlaku manusia adalah berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Sekiranya sesuatu perbuatan atau tingkahlaku manusia itu tidak berasaskan kepada dua sumber utama, bererti perbuatan atau tingkahlakunya adalah dianggap tidak berakhlak. Bagaimanapun, perbuatan manusia yang dikatakan sebagai beretika atau bermoral adalah tertakluk kepada sesuatu masyarakat. Sekiranya masyarakat menganggap bahawa tingkahlakunya itu adalah sesuatu yang boleh diterima di kalangan masyarakat mereka, bererti ia akan disebut sebagai perbuatan yang beretika dan begitulah sebaliknya.¹³

Oleh itu, secara asasnya, akhlak dan sila merupakan dua perkataan yang digunapakai bagi menggambarkan tingkahlaku manusia sama ada baik dan buruk. Kedua-dua istilah ini turut dikaitkan dengan tuntutan ajaran agama. Atas dasar ini kebanyakan pengkaji meletakkan dan merumuskan bahawa *sila* dan akhlak adalah sama erti. Ini mendorong kepada perbahasan lanjut untuk melihat sejauhmana nilai ini diasaskan.

¹³ Sila rujuk Raihanah Haji Abdullah, "Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang", *Jurnal Syariah*, jilid 6, Universiti Malaya: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Januari, 1998, hal. 82.

SILA DAN AKHLAK: ASPEK KEKUATAN ISTILAH

Istilah *sila* lebih merujuk kepada persoalan etika ajaran Buddha. *Sila* dibentuk untuk mengharmonikan perlakuan para penganutnya mengikut kategori yang sekaligus menjelaskan hubungan dan kedudukan mereka dengan Buddha. Ia memberi gambaran bahawa lagi tinggi kedudukan penganut Buddha bererti lagi hebat *sila* yang perlu dilakukannya untuk mencapai kesejahteraan dan *nirvana* sebagai tempat penghapusan hawa nafsu dan kekal abadi. Ini bererti *sila* adalah satu bentuk etika yang mendominasi penganut-penganutnya ke arah kebaikan dan kesejahteraan. Justeru, pembentukan kod etika Buddha turut menonjolkan kekuatan istilah *sila* sebagai satu bentuk yang mendidik para penganutnya agar memiliki ketinggian peribadi.

Istilah akhlak secara asasnya memperlihatkan pengertian yang lebih menjurus ke arah perlakuan spiritual dan fizikal yang berasaskan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah serta dihubungkan dengan Pencipta. Dalam ertikata lain, perlakuan seseorang itu adalah cermin kepatuhannya kepada Pencipta. Ini bererti seandainya perlakuannya baik, ketaatannya kepada Pencipta adalah jitu dan begitulah sebaliknya. Apatah lagi istilah tersebut didasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, terserlahlah kekuatannya untuk mendominasi individu ke arah peribadi mulia selaras dengan kehendak agama Islam.

Secara umumnya, *sila* dan akhlak mampu membentuk keperibadian mulia seseorang. Begitupun, *sila* lebih menjurus kepada status individu dalam ajaran Buddha manakala akhlak Islam lebih menitikberatkan ke arah meliputi setiap individu muslim untuk memiliki akhlak yang tinggi tanpa melihat kepada statusnya dalam agama dan masyarakat. Oleh itu, terdapat perbezaan yang ketara dalam kecenderungan maksud dan kekuatan istilah *sila* dan akhlak Islam; walaupun mempunyai ciri persamaan dari aspek asas istilah yang menggambarkan tingkahlaku manusia. Ini bererti terdapat jurang di antara pengertian *sila* dan akhlak.

SILA: SISTEM DAN TUJUAN

Pembentukan *sila* adalah berasaskan sifat-sifat dan kesusilaan Buddha yang prihatin terhadap penderitaan atau *dukkha* masyarakat. Kecenderungan Buddha merupakan sifat sejagat atau universal kerana ia bertepatan dengan naluri setiap individu ingin bebas dan bersih daripada sebarang bentuk penderitaan dan kehinaan hidup. Bersandarkan kesusilaan Buddha, ajaran *sila* dibentuk kepada 4 kategori kehidupan utama yang saling berkait dan melengkapi iaitu asas dan matlamat yang disebut *panna* atau kebijaksanaan, kesucian dan prinsip kelakuan, kuasa dari *sila* yang baik dan kedua-dua kategori tersebut dikenali sebagai *sila* atau moral dan yang terakhir adalah latihan minda dan pencapaian spiritual yang disebut *samadhi* atau meditasi.¹⁴

Bertitik daripada kesusilaan, ia turut memaparkan asas kepada pembentukan kategori-kategori *sila* tersebut. Ia berkait rapat dengan konsep *kamma* iaitu perbuatan manusia yang meliputi perbuatan *kaya* (zahir), *vacha* (lisan) dan *manas* (minda).¹⁵

Menurut prinsip ajaran Buddha, *kamma* merupakan asas tercetusnya perbuatan baik dan buruk. Justeru, perhitungan klasifikasi perbuatan yang meliputi segala bentuk pemikiran digubal berasaskan prinsip kelakuan dan etika praktikal. Ini menghasilkan beberapa bentuk *sila* yang dilihat kepada perbuatan, tingkahlaku, tujuan, dan spiritual individu dalam agama dan masyarakat. Ia memberi erti bahawa lebih tinggi pencapaian spiritual dan matlamat hidup seseorang akan lebih menjuruskan kepada tingkahlaku yang baik kerana ia adalah cetusan dalaman spiritual yang mulia dan hebat. Penonjolan tingkahlaku yang baik adalah cermin kepada penguasaan *sila* yang mulia. Penguasaan *sila* yang mulia adalah cetusan daripada pemahaman terhadap ajaran Buddha yang lebih menekankan pembebasan daripada segala unsur

¹⁴ James Hastings, *Encyclopedia of Religion and Ethics*, di bawah perkataan *ethics*.

¹⁵ Khantipalo Bhikku, *What is Buddhism*, Bangkok: Social Science Assoc. Press of Thailand, 1965, hal. 78; Anagarika Govinda, *The Psychological Attitude of Early Buddhist Philosophy*, London: Riders & Company, 1961, hal. 68 dan Syadaw U. Thittila, *What Kamma Is?*, Penang: 1997, hal. 1.

penderitaan dan kehinaan hidup menuju ke arah pencerahan. Oleh itu, penguasaan kehebatan *sila* ini turut diasaskan kepada kekuatan dalaman individu terhadap pelaksanaan segala tuntutan ajaran Buddha. Keadaan ini telah menjuruskan sistem *sila* dibentuk kepada beberapa kategori individu agar ia bersesuaian dengan keadaan kekuatan diri penganut. Dengan cara ini lebih menyerlahkan kekuatan dan kekuasaan sistem *sila* untuk mengawal tindakan seseorang penganut.

Untuk mencapai sifat dan perlakuan yang baik, sistem *sila* ini telah diasaskan kepada doktrin *Anotta* iaitu kod moral Buddhisme yang terangkum dalam Lapan Jalan Kebenaran, Lapan Jalan Yang Mulia dan Tatasusila. *Anotta* telah disusun atur untuk menekankan persoalan-persoalan tabi'i atau fitrah manusia yang meliputi antara lainya seperti *kamma* atau nafsu, *chanda* atau kehendak dan *adhippaya* atau niat.¹⁶ Sifat-sifat ini merupakan manifestasi daripada sifat-sifat baik dan buruk yang menjadi tunjang perlakuan setiap individu. Oleh itu penguasaan keseimbangan di antara ketiga-tiga sifat utama itu adalah penting untuk meletakkan diri sebagai penganut Buddha yang memiliki *sila* yang baik. Kegagalan penguasaan dan perseimbangan akan hanya membuahkan perlakuan buruk yang menjejaskan kebaikan *sila*. Sifat-sifat yang menjurus kepada keburukan *sila* antaranya seperti *raga* atau tamak, *dosa* atau kebencian kepada kesakitan, *moha* atau kebodohan, keseronokan dan tidak bertolak ansur.¹⁷ Ia disifatkan sebagai penghalang ke arah pencapaian kesempurnaan pencerahan iaitu menjadi Buddha yang mulia dan bebas daripada cengkaman hawa nafsu, kehendak dan niat menikmati kemewahan duniawi. Justeru, perseimbangan adalah penting untuk mencapai hasrat tersebut.

Manakala sifat-sifat *sila* yang baik diletakkan sebagai tunjang kehidupan bertatasusila dan dikategorikan dalam Lapan Jalan Kebenaran atau *Ariyamagga*. Sifat-sifat *sila* yang baik ini antaranya seperti *saddha* atau kepercayaan, *viriyā* atau *usabasati*

¹⁶ Thittila, *ibid*, hal. 1-2 dan K. Sri Dham-mananda, *What Buddhist Believe*, Kuala Lumpur: Buddhist Missionary Society, 1964, hal. 146.

¹⁷ Thittila, *ibid*, hal. 4.

atau kecekapan minda, *samadha* atau tafakur, *panna* atau kebijaksanaan, *hiri* atau malu, *sangaha* atau simpati, *peyavajja* atau berbudi bahasa dan *dana* atau dermawan.¹⁸

Tujuan dan matlamat *sila* yang baik diletakkan dalam Lapan Jalan Yang Mulia mendorong individu ke arah menempatkan diri sebagai Buddha untuk mencapai tahap tertinggi dan terakhir menuju kesempurnaan pencerahan. Sifat-sifat tersebut antaranya *ditthi* atau pendapat yang benar, *vacha* atau percakapan yang benar, *sankappa* atau keputusan yang benar, *kammanta* atau tingkahlaku yang benar, *ajiva* atau kehidupan yang benar dan *sati* atau prihatin/kecekapan minda yang benar.¹⁹

Perbincangan di atas memperlihatkan bahawa sistem *sila* ini adalah gabungjaln di antara sifat-sifat *sila* yang baik dan ditonjolkan dalam Lapan Jalan Kebenaran, Lapan Jalan Yang Mulia dan tatasusila yang turut disusun atur menurut kategori keupayaan setiap individu dalam menguasai spiritual dan memahami tuntutan falsafah ajaran Buddha. Ini bererti kekuatan menolak sifat-sifat *sila* yang buruk dan keseimbangan di antara nafsu, kehendak dan niat adalah titiktolak kepada penonjolan *sila* yang baik. Kegagalan penguasaan nafsu, kehendak dan niat akan mendorong ke arah *sila* yang sebaliknya. Oleh itu untuk memastikan tujuan *sila* dan membentuk keperibadian seperti Buddha ke arah kesempurnaan pencerahan terakhir dan tertinggi yang bebas atur menurut kemampuan setiap penganut menguasai kehendak dan spiritual. Ini untuk memastikan *sila* dapat membentuk keperibadian mulia setiap individu penganut dan sekaligus menyerlahkan kekuatan istilah *sila* membimbing para penganutnya ke arah pencerahan.²⁰

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Untuk mengetahui sistem *sila* Buddha lebih lanjut, sila rujuk *Vinaya Pitaka* dan bahagian-bahagiannya, *Sutta-vibhanga*, *Bhikkuni-vibhanga* dan *Khandakhas*, *Dhammapada* dalam Ven. Nanamoli Thera, *The Patimokka*, terj: Phra Sasana Shobana ke edisi Inggeris, Bangkok: The Sosial Science of Thailand, 1996, hal. 19-83.

AKHLAK ISLAM: SISTEM DAN TUJUAN

Sistem akhlak Islam adalah satu bentuk qanun atau dasar yang menjadi panduan kepada tindakan perilakunya dan turut meng-hukum tindak tanduk pelakunya. Sistem ini turut dikenali sebagai ilmu akhlak iaitu satu bentuk ilmu yang menggariskan kaedah-kaedah perilaku manusia yang baik dan penghindaran serta pembersihan daripada perbuatan tercela dan buruk berasaskan ajaran Allah dan Rasul-Nya.

Ia merupakan satu bentuk pengajaran yang bersesuaian dengan fitrah dan akal manusia dan sejajar dengan kehendak syariat. Akhlak Islam menekankan matlamat dan tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah dan hamba yang dipertanggungjawabkan membangunkan alam dan memakmurkannya. Justeru selayaknya khalifah dan hamba Allah ini memiliki kekuatan diri, fizikal dan akhlak untuk terus meletakkan dirinya melaksanakan tanggung-jawab tersebut dengan jayanya. Kegagalan memikul tanggung-jawab ini akan hanya menghancurkan kemakmuran alam, generasi manusia dan dirinya sebagai khalifah dan hamba Allah.

Berasaskan keadaan tersebut, akhlak Islam dibangunkan dan ditekankan dalam aspek kehidupan manusia. Sistem akhlak Islam adalah bersumberkan wahyu Allah. Oleh itu, ia memiliki kekuatan tersendiri untuk membentuk akhlak individu yang memahami konsep ajaran dan syariat Islam. Sistem akhlak Islam ini turut mencakupi kepelbagaian aspek kehidupan yang tidak dimiliki oleh mana-mana sistem etika mahupun moral.

Keistimewaannya yang bersumberkan wahyu memberinya kelebihan untuk mendasari kehidupan setiap individu. Apatah lagi cirinya yang umum dan tuntas iaitu penekanan akhlak ini adalah umum untuk seluruh peringkat dan status manusia. Perincian yang ditonjolkan oleh sistem akhlak Islam yang ditekankan secara berperingkat-peringkat adalah untuk memastikan setiap individu mencapai matlamat kebenaran, keadilan, hikmat serta pencip-

taannya sebagai manusia. Perkara ini dilakukan untuk melahirkan generasi manusia yang berakhlak dan berdisiplin.²¹

Akhlak Islam ini mencakupi kepelbagaian aspek kehidupan manusia dan aktivitiinya. Ia meliputi sistem akhlak terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, alam sekitar, makhluk yang lain dan negara. Ia turut meliputi akhlak dalam perhubungan antarabangsa dan global, antaranya akhlak dalam bidang ekonomi, politik dan seumpamanya, akidah, ibadat, muamalat, amalan harian dan berbagai aspek yang menyentuh manusia dan sekelilingnya termasuk hal-ehwal dunia dan akhirat.²² Ini meletakkan akhlak Islam adalah syumul dan bersesuaian dengan semua persekitaran serta peredaran zaman.

Di samping itu juga secara tidak langsung menjelaskan bahawa akhlak Islam adalah tetap dan sentiasa “hidup” walaupun pelbagai aliran dan pemikiran lain muncul. Akhlak Islam tidak tergunat

²¹ Abdullah Muhammad Zin, *al-Akhlāq al-Islām wa Atharuha fī Binā'i al-Mujtamā'*, Malaysia: Pustaka Antara, t.t. hal. 26-28; Hassan al-Syarqawi, *al-Akhlāq al-Islāmiyyah*, Kaherah: 1998, hal. 90; 'Abd Karim Zaidan, *Uṣūl al-Da'wah*, Baghdād: 1996, hal. 82.

²² Antara penulisan-penulisan yang menyentuh persoalan-persoalan tersebut adalah Abdullah Alwi Hj Hassan (Prof. Dr.), “Sistem Nilai dalam al-'Imarah”, *Jurnal Usuluddin*, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Mei, 1995, hal. 117-131; Abd. Rashid Hj Ahmad, “Aspek-aspek Pendidikan dalam Solat”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Mei 1995, hal. 155-175; Amir Saifudie Ghazali, “Manusia dan Alam Sekitar: Hubungannya daripada Perspektif Islam”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 5, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Disember 1996, hal. 193-207; Raihanah Haji Abdullah, “Permasalahan Moral Masyarakat Islam Dari Perspektif Undang-undang”, *Jurnal Syariah*, jilid. 6, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Januari 1998, hal. 81-96; Shukeri Muhamad, “Pembentukan Masyarakat Berakhlak Mengikut Politik Islam”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 8, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Disember 1998, hal. 145-174; Joni Tamkin Borhan (Dr.), “The Ethical Principles in Islamic Commercial Transactions”, *Jurnal Usuluddin*, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Julai 1999, hal. 97-112.

dengan sebarang bentuk perubahan dan ianya selaras dengan kedudukan ajaran Islam yang tekal dan kekal sentiasa. Selain daripada itu, akhlak Islam ini menonjolkan keselarasan daripada aspek wasilah dan matlamat. Atau dalam ertikata lain, tujuan baik wajar dicernakan melalui mekanisma yang selaras dengan kehendak syariat dan tuntutan agama. Akhlak Islam menentang slogan yang meletakkan "matlamat menghalalkan cara".

Urutan daripada perkara tersebut menjelaskan bahawa akhlak Islam sentiasa mendorong individu kepada sikap dan tindakan positif untuk terarah kepada kerja-kerja kebaikan selaras dengan syariat agama. Apatah lagi ia berkaitan dengan soal balasan dosa dan pahala. Ini bererti individu yang sentiasa berakhlak mulia dan menuruti perintah Allah serta bertanggungjawab menunaikan tugasnya selaras dengan penciptaannya sebagai hamba dan khalifah akan diberi ganjaran pahala setimpal dengan perbuatan akhlaknya dan begitulah sebaliknya. Ini sekaligus menonjolkan bahawa akhlak Islam adalah berkait rapat dengan soal keimanan, kesabaran, keikhlasan, kejujuran, keihlanan, ketawadu'an, istiqamah, ketakwaan dan sifat-sifat terpuji lain yang wajar dimiliki oleh setiap individu Muslim.

Bertitik-tolak daripada akhlak ini jugalah, individu Muslim itu dapat melaksanakan setiap tugasnya sama ada ia seorang pemimpin, peguam, guru dan sebagainya dengan penuh kesedaran akhlak semata-mata untuk mencapai keredaan Allah sebagai matlamat utama kehidupan. Ini sekaligus menonjolkan keistimewaan akhlak yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah adalah syumul dan meliputi setiap individu serta sentiasa terkehadapan daripada zaman.

KESAN SILA DAN AKHLAK

Bertitik-tolak daripada perbincangan-perbincangan di atas memperlihatkan bahawa *sila* dan akhlak memiliki sumber dan matlamat tersendiri yang bertujuan untuk melahirkan individu berperibadi mulia dan tinggi. Namun, ternyata terdapat perbezaan yang ketara di antara kekuatan sistem, sumber dan matlamat

kedua-duanya. *Sila* lebih menonjolkan hasrat Buddha membebaskan penderitaan manusia dan menggariskan beberapa perkara yang merantai kehidupan manusia untuk sentiasa berperibadian mulia agar matlamat pencerahan dapat dicapai. Seandainya gagal, individu terbabit perlu melalui penderitaan hukum *kamma* berulang kali sehingga jiwanya benar-benar bersih daripada hal ehwal keduniaan.

Untuk memastikan setiap individu penganutnya mencapai matlamat akhir kehidupan, ajaran ini menggariskan setiap *sila* yang perlu dicernakan menurut kategori setiap individu dalam masyarakat.

Ini bererti setiap individu tidak sebenarnya terikat secara langsung dengan peraturan-peraturan *sila* yang diperuntukkan khas kepada sami lelaki atau perempuan. Namun setiap sami perlu memiliki dan mengaplikasikan setiap peraturan *sila* yang perlu dimiliki oleh setiap individu penganut. Ini bererti *sila* hanya mengikat sebahagian penganut Buddha yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai pencerahan agar ia tidak mengalami hukum *kamma* berulang kali. Perkara ini disedari oleh Buddha sebagai satu yang sukar dilakukan segera. Oleh itu terdapat "seolah" satu kelonggaran kepada individu penganut untuk tidak bersegera mencapai matlamat akhir kehidupan. Namun, galakan agar individu mencapai pencerahan sentiasa ditekankan. Ini bererti kesejagatan *sila* lebih tertumpu kepada soal pembebasan diri daripada penderitaan dan mencapai pencerahan semata. Untuk menjamin keadaan tersebut, peraturannya turut disusunatur dalam mengimbangi antara kebaikan dan kejahatan. Ini meletakkan sistem tersebut kurang menekankan aspek kehidupan yang global.

Berbeza daripada akhlak Islam yang nyata menonjolkan satu bentuk sistem akhlak yang bersumberkan wahyu, teratur, sistematik, menyeluruh dan global. Ia adalah titiktolak kepada individu penganut mengaplikasikan segala tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah untuk mencapai keredaan Allah dan sekaligus menentang segala bentuk kemungkaran secara total. Bukannya mengimbangi antara kebaikan dan kejahatan yang jelas antara kedua aspek tersebut tidak boleh berkompromi walaupun

matlamatnya adalah baik. Ini kerana Islam tidak menghalalkan sebarang bentuk mekanisma yang beraduk dengan kebatilan.

PENUTUP

Berasaskan perbincangan-perbincangan awalan di atas menjelaskan bahawa *sila* dan akhlak memiliki keistimewaan tersendiri.

Namun, apabila taakulan dilakukan, ternyata kedua-duanya adalah jauh berbeza sama ada daripada asas kekuatan istilah, sistem, sumber dan matlamat. Hanya sinonim daripada aspek kecenderungan untuk melahirkan individu berperibadian mulia dan tinggi. Namun begitu, peribadi mulia dan tinggi yang ditekankan oleh akhlak lebih menonjol, praktikal, operasional dan global.

Oleh itu, adalah kurang sesuai meletakkan *sila* dan akhlak itu sebagai sinonim. Kebarangkalian sinonim itu hanya dilihat daripada aspek penggunaan istilah yang menggambarkan tingkahlaku manusia tetapi berbeza daripada aspek matlamat akhir individu terbabit. Pastinya ia berkait rapat dengan soal syariat dan tuntutan ajaran agama yang secara mutlak memperlihatkan Islam adalah ajaran agama yang praktikal dan menyeluruh.